

| | | | |
|------------|----------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Tabung Haji untung RM3.53b | | |
| MediaTitle | Kosmo | | |
| Date | 15 Mar 2016 | Color | Full Color |
| Section | Negara | Circulation | 197,202 |
| Page No | 14 | Readership | 875,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 209 cm ² |
| Journalist | Zulkifli Manzor | AdValue | RM 5,445 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 16,334 |



Jumlah tertinggi sejak agensi itu ditubuhkan pada tahun 1963

Tabung Haji untung RM3.53b

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR — Tabung Haji (TH) mencatat keuntungan bersih bagi tahun kewangan 2015 sebanyak RM3.53 bilion dan merupakan yang tertinggi sejak agensi itu ditubuhkan pada tahun 1963.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom (gambar kecil) berkata, jumlah pembayaran bonus pada tahun 2015 juga lebih tinggi jika dibandingkan antara tahun 1994 hingga 1999.

"Purata pembayaran bonus antara tahun 1994 hingga 1999 adalah bawah RM550 juta manakala pembayaran bonus tahun 2015 berjumlah RM3.2 bilion," katanya di Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Lim Guan Eng (DAP-Bagan) tentang senarai status aset dan liabiliti terkini TH.

Jamil Khir berkata, kedudukan kewangan TH bagi tahun 2015 adalah kukuh walaupun mendapat teguran daripada Bank Negara Malaysia (BNM) berhubung dasar rizab agensi itu.

Beliau dalam pada itu menjelaskan, BNM dalam surat tersebut menyatakan nilai aset TH hanya cukup untuk membayar 98 sen bagi setiap seringgit nilai liabiliti.

Bagaimanapun katanya, kebenaran itu hanya merujuk kepada sebahagian aset yang tersedia jual sedangkan TH memiliki aset-aset

yang tidak dinilai saksamakan seperti aset pelaburan dan hartanah.

"Nilai keseluruhan aset TH yang dinilaisaksamakan adalah positif dan melebihi liabiliti TH pada 31 Disember 2015," katanya.

Sehubungan itu, beliau berasa kesal dengan penyebaran surat BNM itu di laman sosial menyebabkan TH dilontar dengan pelbagai tohongan.



KEDUDUKAN kewangan Tabung Haji bagi tahun 2015 adalah kukuh walaupun mendapat teguran daripada BNM berhubung dasar rizab agensi itu.